

28/08/1997

IBT buka peluang pelajari bahasa Jepun

PENUBUHAN Institut Bahasa Teikyo (IBT), satu-satunya institusi pengajian tinggi swasta Jepun di Asia Tenggara akan menjadi daya tarikan kepada pelajar rantau ini mempelajari bahasa Jepun sebelum menyambung pengajian di institusi pengajian tinggi di negara berkenaan.

IBT yang dilancarkan kelmarin adalah kesinambungan daripada gagasan Dasar Pandang Ke Timur cetusan idea Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dilancarkan 15 tahun lalu di samping meningkatkan persefahaman kedua-dua negara.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata penubuhan institut itu membolehkan kedua-dua negara bertukar pengetahuan dan budaya sekali gus mengurangkan kejutan budaya kepada pelajar negara ini yang akan melanjutkan pengajian di negara berkenaan.

Najib berkata, keyakinan Universiti Teikyo, Jepun memilih Kuala Lumpur sebagai tapak menubuhkan IBT dan seterusnya pusat pendidikan di rantau ini adalah disebabkan hubungan erat antara dua negara yang terjalin sejak sekian lama.

"Langkah ini mungkin boleh menarik pelajar dari Jepun menuntut di institusi pengajian di negara ini di samping menambah jaringan pendidikan kedua negara dalam bidang tertentu," katanya ketika melancarkan IBT di Kuala Lumpur, kelmarin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan, Sri Nusa Ahmad Thaharuddin.

Turut hadir di majlis berkenaan ialah Presiden Universiti Teikyo, Dr Shoichi Okinaga; Gabenor IBT, Prof Diraja Ungku Aziz dan Pengetua IBT, Yoshihikoya Tahara.

Dengan penubuhan IBT dijangka akan memberi peluang kepada pelajar negara ini yang akan mengikuti pengajian di IPT di Jepun mengikuti kursus bahasa Jepun di sini sekali gus menjimatkan perbelanjaan.

Pelajar yang akan melanjutkan pengajian di IPTS di Jepun dikehendaki mengikuti kursus bahasa Jepun terlebih dahulu dan kos perbelanjaan bagi tempoh setahun ialah sebanyak RM50,000 berbanding hanya RM15,000 di negara ini.

Pengambilan sulung IBT membabitkan 40 pelajar akan memulakan kuliah pada Januari depan.

(END)